

3756/2

Prinsip Perakaunan

Kertas 2

2½ jam

Nama: _____

Tingkatan: _____



MODUL 1

ULANGKAJI KECEMERLANGAN BERFOKUS SPM 2020

PRINSIP PERAKAUNAN

Kertas 2

Dua jam tiga puluh minit

	Kegunaan Guru Pemeriksa		
	Soalan	Markah Penuh	Markah Diperoleh
	<u>Bahagian A</u>		
1. <i>Modul ini mengandungi dua bahagian : Bahagian A dan Bahagian B.</i>	1	10	
2. <i>Jawab semua soalan daripada Bahagian A dan dua soalan dalam Bahagian B.</i>	2	25	
3. <i>Tulis jawapan anda pada kertas Jurnal, Lejar, Buku Tunai, Kertas Graf dan helaian tambahan yang dibekalkan.</i>	3	25	
4. <i>Markah yang diperuntukkan bagi setiap soalan atau ceraiian soalan ditunjukkan dalam kurungan.</i>	<u>Bahagian B</u>		
5. <i>Sekiranya anda hendak menukar jawapan, batalkan dengan kemas jawapan yang telah dibuat. Kemudian tulis jawapan yang baru.</i>	4	20	
6. <i>Tunjukkan kerja mengira. Ini membantu anda mendapatkan markah.</i>	5	20	
7. <i>Mulakan jawapan bagi setiap soalan pada helaian yang baru.</i>	6	20	
8. <i>Anda dibenarkan menggunakan kalkulator saintifik yang tidak boleh diprogram.</i>	Jumlah		

Kertas soalan ini mengandungi 12 halaman bercetak

BAHAGIAN A

[60 markah]

Jawab semua soalan

1 (a) Nyatakan akaun yang perlu didebitkan dan dikreditkan bagi setiap urus niaga berikut:

- (i) Menjual barang niaga secara kredit kepada Rahman
- (ii) Membeli alatan pejabat secara tunai untuk kegunaan perniagaan.

[2 markah]

(b) Jadual 1 menunjukkan Carta Akaun bagi Syarikat Beta Sendirian Berhad.

Kod	Akaun
1000 - 1999	Aset
2000 - 2999	Liabiliti
3000 - 3999	Ekuiti Pemilik
4000 - 4999	Belanja
5000 - 5999	Hasil

Jadual 1

Nyatakan nama akaun bagi setiap kod yang berikut:

Kod	Nama Akaun
2767	
1007	

[2 markah]

(c) Kelab Memasak Ria memberikan maklumat berikut:

Bilangan ahli	150 orang
Yuran tahunan setiap ahli	RM 50
Yuran ahli belum terima pada akhir tahun perakaunan	RM 250

Kirakan jumlah yuran tahunan.

[2 markah]

(d) Dokumen berikut diperolehi daripada Air Permata Enterprise.

SALINAN		AIR PERMATA ENTERPRISE 32B, Jalan Parit Bengkulu 83000 Batu Pahat			NO: 2431
		INVOIS	Tarikh: 18 April 2020		
Kepada Kedai Chong Lee					
BIL	BUTIR	KUANTITI	HARGA SEUNIT(RM)	JUMLAH(RM)	
1.	Penapis Air Model JM345R	5	380.00	1 900.00	
2.	Penapis Air Model SM601A	5	480.00	2 400.00	
				4 300.00	
Tolak: Diskaun niaga 10 %				?	
JUMLAH				?	
(Ringgit Malaysia: ?) Syarat: 10% 5 hari, 5% 10 hari Serahan: Angkutan dibayar K. & K. di K. <div style="display: flex; justify-content: space-between;"> <div style="text-align: center;"> <i>Chong</i> T.T.Penerima </div> <div style="text-align: center;"> <i>Ameer</i> T.T.Pengurus </div> </div>					

Kirakan diskaun niaga dan diskaun tunai yang akan diterima oleh Kedai Chong Lee jika pembayaran dibuat pada 23 April 2020.

[2 markah]

(e) Maklumat berikut diperolehi daripada Syarikat Berjaya Berhad

- Modal berbayar pada 31 Januari 2020 terdiri 200 000 unit 6% Syer Keutamaan bernilai RM 1.50 sesyer
- Pada 1 Julai 2020, syarikat telah memutuskan untuk membayar dividen 6% kepada pemegang Syer Keutamaan
- Tempoh perakaunan syarikat berakhir 31 Disember setiap tahun

Kirakan dividen interim.

[2 markah]

- 2 Encik Harizz tidak mengamalkan sistem catatan bergu dalam penyediaan rekod perakaunannya. Baki-baki aset dan liabiliti perniagaannya adalah seperti berikut :

	1 Julai 2019	30 Jun 2020
	(RM)	(RM)
Modal	23 070	?
Kenderaan (harga kos)	40 000	?
Susut Nilai Terkumpul Kenderaan	12 000	?
Inventori	3 000	3 200
Akaun Belum Terima	9 200	9 450
Akaun Belum Bayar	5 100	6 300
Tunai	450	450
Bank	4 500	16 740
Promosi Belum Bayar	2 050	-
Kadar Bayaran Prabayar	-	1 800
Inventori Alat Tulis	70	40
Pinjaman	15 000	?

Ringkasan Buku Tunai perniagaannya yang berakhir 30 Jun 2020 adalah seperti berikut :

	Bank	Tunai
	(RM)	(RM)
Penerimaan :		
Jualan	-	9 650
Akaun Belum Terima	85 200	-
Tunai (Kontra)	?	-
Pembayaran :		
Belian	-	750
Promosi	3 000	250
Akaun Belum Bayar	63 900	-
Ambilan	2 500	460
Bank (Kontra)	-	?
Alat Tulis	120	30
Kadar Bayaran	4 000	-
Pinjaman	2 600	-
Deposit Van	5 000	-

Maklumat tambahan:

- (i) Pada 29 Jun 2020, pemilik telah membeli van terpakai secara kredit dari Zamrud Motor Sdn Bhd bernilai RM30 000 dan membayar wang pendahuluan sebanyak RM5 000. Beliau telah menetapkan kenderaan disusutnilaikan pada kadar 30% setahun mengikut kaedah baki berkurangan.
- (ii) Ambilan barang niaga sepanjang tahun berjumlah RM180 sebulan.
- (iii) En Harizz telah menyumbangkan barang niaga bernilai RM350 kepada Rumah Anak Yatim Bakti pada 28 Jun 2020. Urus niaga ini tidak dicatatkan dalam mana-mana buku.
- (iv) Pulangan jualan oleh pelanggan bernilai RM1 200 belum direkodkan dalam buku perniagaan.
- (v) Setiap tahun, En Harizz menganggarkan sebanyak 30% daripada Akaun Belum Terima tidak dapat dikutip.
- (vi) Faedah atas pinjaman dikenakan sebanyak 8% setahun.

Anda dikehendaki :

- (a) menghitung jumlah tunai yang dimasukkan ke dalam bank (kontra) [1 *markah*]
- (b) menyediakan Akaun Belum Terima [3 *markah*]
- (c) menyediakan Akaun Perdagangan dan Untung Rugi bagi tahun berakhir 30 Jun 2020 [13 *markah*]
- (d) menyediakan Penyata Kedudukan Kewangan pada 30 Jun 2020 [8 *markah*]

3. Sunny dan Louis adalah pekongsi dalam Perkongsian SUNLOUI. Mereka membahagikan untung atau rugi dengan nisbah 1:2.
Berikut adalah maklumat bagi Perkongsian SUNLOUI pada 31 Disember 2019.

Aset	RM	Liabiliti	RM
Alatan Pejabat	22 800	Akaun Belum Bayar	8 600
Perabot	2 900	Pinjaman	10 000
Inventori	17 900	Gaji Belum Bayar	1 800
Akaun Belum Terima	5 600		
Bank	10 000	Ekuiti Pemilik	
		Modal Sunny	10 000
		Modal Louis	20 000
		Akaun Semasa Sunny	4 000
		Akaun Semasa Louis	4 800

Pada 31 Disember 2019, mereka bersetuju untuk membubarkan perkongsian mereka atas persetujuan bersama.

Maklumat tambahan pada 31 Disember 2019:

- i Alatan pejabat dan inventori telah direalis dengan harga seperti berikut:

	RM
Alatan pejabat	15 840
Inventori	13 000

- ii Perabot diambil alih oleh Sunny dengan nilai RM1 300.
iii Kutipan daripada Akaun Belum Terima sebanyak RM4 600.
iv Belanja realisasi untuk pembubaran sebanyak RM1 200.
v Akaun Belum Bayar dijelaskan dengan diskaun 10%.
vi Encik Louis akan menjelaskan pinjaman .
vii Gaji belum bayar dijelaskan sepenuhnya.
viii Bil kadar bayaran bernilai RM200 ditemui semasa pembubaran.
ix Semua penerimaan dan pembayaran dibuat melalui bank.

Anda dikehendaki menyediakan:

- (a) Akaun Realisasi. [10 *markah*]
- (b) Akaun Modal setiap pekongsi. [6 *markah*]
- (c) Akaun Bank. [4 *markah*]
- (d) Catatan dalam Jurnal Am bagi urus niaga (v) [3 *markah*]
(Keterangan tidak diperlukan)
- (e) Berikan **dua** sebab sesebuah perkongsian dibubarkan. [2 *markah*]

Bahagian B

[40 markah]

Jawab *dua* soalan sahaja.

- 4(a) Kenderaan yang dibeli oleh Syarikat Kirana Sdn Bhd adalah seperti yang ditunjukkan dalam jadual di bawah :

Tarikh	Aset	Kos (RM)
1 Julai 2016	Lori	80 000
30 Jun 2019	Van	55 000

Tempoh perakaunan Syarikat Kirana Sdn Bhd berakhir 31 Disember setiap tahun. Syarikat telah menetapkan semua kenderaan disusutnilaikan pada kadar 20% setahun atas kos.

Pada 31 Disember 2019, lori yang dibeli pada tahun 2016 telah dijual dengan harga RM28 000.

Anda dikehendaki menyediakan akaun-akaun berikut pada 31 Disember 2019.

- (i) Akaun Kenderaan [4 markah]
- (ii) Akaun Susut Nilai Terkumpul Kenderaan [4 markah]
- (iii) Akaun Pelupusan Kenderaan [4 markah]

- 4(b) Sepanjang Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) yang bermula pada 18 Mac 2020, Pn Linda telah mengambil tempahan membuat kek mentega secara atas talian (online).

Bahan-bahan yang digunakan untuk menghasilkan sebiji kek tersebut adalah seperti berikut:

Butiran	Kuantiti	Harga (RM)
Mentega	250 gram	5.50
Gula aising	200 gram	2.00
Telur	4 biji	1.40
Tepung gandum	250 gram	1.20
Serbuk Penaik	1 botol	0.90
Bil utiliti		500 sebulan
Promosi		130 sebulan
Harga jualan		20.00

Anda dikehendaki :

- (i) Menghitung:
- (a) Kos berubah sebiji kek [1 markah]
 - (b) Kos tetap [1 markah]
 - (c) Margin caruman sebiji kek [1 markah]
 - (d) Titik Pulang Modal [1 markah]
- (ii) Berdasarkan jawapan anda di 4(b)(i) , lukis graf Titik Pulang Modal pada kertas graf yang disediakan dengan menunjukkan:
- (a) garisan Kos Tetap [1 markah]
 - (b) garisan Jumlah Kos [1 markah]
 - (c) garisan Jumlah Hasil [1 markah]
 - (d) Titik Pulang Modal [1 markah]

5. (a) Buku Tunai Perniagaan Jaya Bhd. menunjukkan baki yang berbeza dengan Penyata Bank pada 31 Mac 2020. Berikut ialah Buku Tunai dan Penyata Bank pada tarikh tersebut.

PUBLIC BANK BHD PENYATA BANK					
PERNIAGAAN JAYA BHD			No Akaun: 02-202020101-6		
A 44, JALAN WIRA			Tarikh: 31 Mac 2020		
86000 KLUANG, JOHOR.					
TARIKH	BUTIR	NO.CEK	DEBIT	KREDIT	BAKI
2020			RM	RM	RM
Mac 1	Baki b/b				4 043
10	Cek	52381	2500		1 543
11	Deposit			900	2 443
11	Deposit			1 325	3 768
12	Cek	52380	500		3 268
13	Cek	52382	740		2 528
14	Cek (rujuk Pesuruh Bayar)		1325		1 203
18	Cek	52383	2 590		1 387(dt)
20	Dividen Syarikat Lee Bhd			600	787(dt)
25	Faedah Simpanan Tetap			343	444(dt)
28	Cek	52385	1 355		1799(dt)
28	Deposit			680	1119(dt)
31	Caj bank		16		1 135(dt)

Buku Tunai (Ruangan bank sahaja)

TARIKH	BUTIR	RM	TARIKH	BUTIR	NO CEK	RM
2020			2020			
Mac 1	Baki b/b	4 433	Mac 6	Belian	52381	2 500
9	Jualan	980	11	Angkutan Maju	52382	740
12	Pan Asia	1 325	14	Lutson	52383	2 590
16	Sumathy	680	18	Syarikat Jati Bhd	52384	890
20	Kedai HL	1 388	25	Rohaida	52385	1 355
31	Baki h/b	99	28	Maxis Bhd	52386	180
			30	Gaji	52387	650
		8905				8 905
			April 1	Baki b/b		99

Maklumat tambahan:

- Deposit yang diterima pada 9 Mac 2020 dikenalpasti berlaku kesilapan dalam Buku Tunai.

Anda dikehendaki menyediakan Penyata Penyesuaian Bank pada 31 Mac 2020 tanpa mengemas kini Buku Tunai

[10 markah]

(b) Tony Enterprise ialah sebuah perniagaan milikan tunggal yang menjalankan perniagaan di Batu Pahat, Johor.

Berikut ialah baki aset dan liabiliti perniagaan tersebut pada 31 Mei 2020:

	RM
Lengkapan	23 000
Inventori	18 500
Akaun Belum Terima	5 400
Bank	8 700
Akaun Belum Bayar	3 600

Urus niaga berikut berlaku sepanjang bulan Jun 2020.

- (i) Beli barang niaga secara kredit RM3 500.
- (ii) Pemilik telah mengeluarkan cek RM450 untuk membayar yuran tuisyen anaknya.
- (iii) Bayar gaji dengan cek RM600.
- (iv) Jual barang niaga berkos RM1 200 secara kredit pada harga RM1 900.
- (v) Bayar Akaun Belum Bayar dengan cek RM1 450 dan terima diskaun RM70.
- (vi) Pemilik membawa masuk tunai RM2 000 ke dalam perniagaan dan dibankkan.
- (vii) Sekeping cek yang diterima daripada pelanggan RM460 telah dipulangkan oleh bank dengan bertanda 'Rujuk Pesuruh Bayar'.

Anda dikehendaki menyediakan:

Jadual Persamaan Perakaunan mengikut format seperti di bawah.

Aset				=	Liabiliti		+	Ekuiti Pemilik	
Lengkapan	Inventori	Akaun Belum Terima	Bank		Akaun Belum Bayar	Modal	Ambilan	Untung Bersih	
RM	RM	RM	RM		RM	RM	RM	RM	RM

[10 markah]

- 6 Buku Catatan Pertama bagi Perniagaan Alwani yang beroperasi di Ayer Keroh, Melaka pada 1 Julai 2020 seperti berikut:

Jurnal Am

Tarikh	Butir	Fol	Debit (RM)	Kredit (RM)
2020 Julai 1	Bank Modal (Memulakan perniagaan)		25 000	25 000
26	Derma Belian (Ambilan barang niaga untuk derma)		750	750

Jurnal Belian

Tarikh	Butir	Fol	Jumlah(RM)
2020 Julai 17	Ezzah Enterprise		5 720
31	Akaun Belian (Dt)		5 720

Jurnal Jualan

Tarikh	Butir	Fol	Jumlah(RM)
2020 Julai 23	Purnama		3 609
31	Akaun Jualan (Kt)		3 609

Jurnal Pulangan Belian

Tarikh	Butir	Fol	Jumlah(RM)
2020 Julai 23	Ezzah Enterprise		200
31	Akaun Pulangan Belian (Kt)		200

Buku Tunai

Tarikh	Perkara	Fol	Disk	Tunai	Bank	Tarikh	Perkara	Fol	Disk	Tunai	Bank
2020 Julai 1	Modal		RM	RM	RM	2020 Julai 2	Tunai	√	RM	RM	RM
2	Bank	√		1 000	25 000	4	Kadar Bayaran			185	
16	Jualan				1 980	20	Belian			500	
28	Purnama		104		3 505	31	Baki h/b			515	29 845
30	Jualan			200							
			104	1 200	30 485					1 200	30 485

Berdasarkan Buku Catatan Pertama di atas, **anda dikehendaki:**

- (a) Mengepos catatan ke dalam lejar berkenaan. [16 markah]
 (b) Menyediakan Imbangan Duga pada 31 Julai 2020 [4 markah]

KERTAS SOALAN TAMAT

